

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS MEMPERINGATI PERGERAKAN PERTUBUHAN PELADANG
Lokasi : PMP PADANG RENGAS, PERAK
Tarikh : 26-02-1993

Kepemimpinan adalah proses untuk mempengaruhi dan merubah tingkah laku orang lain supaya dapat menghasilkan sikap yang lebih positif dan dedikasi terhadap pekerjaan, melaksanakan kepemimpinan yang baik hendaklah melalui penyediaan contoh-contoh baik yang ditunjukkan oleh para pegawai sebagai pemimpin dalam perkhidmatan awam. Proses meneladani pemimpin boleh berjalan melalui pemerhatian atau peniruan. Tingkah laku pemimpin sentiasa terdedah kepada pemerhatian orang bawahannya. Apa yang dilakukan oleh pemimpin boleh menjadi ikutan pengikut- pengikutnya terutama jika pemimpin itu dikagumi atau sekurang-kurangnya dihormati. Melalui cara ini jugalah pekerja baharu mempelajari cara-cara menjalankan tugas. Oleh itu, kepemimpinan yang berkesan haruslah berjaya mencapai matlamat berkaitan dengan tugas yang hendak dilaksanakan dan pada masa yang sama memuaskan keperluan-keperluan mereka yang terlibat dalam pelaksanaan tugas tersebut. Dengan ini, matlamat akhir kepemimpinan melalui teladan dapat dicapai iaitu untuk meninggikan hasil kerja.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih khusus kepada Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa Jabar, yang telah sudi menjemput saya dan seterusnya mengisytiharkan Perayaan Ulang Tahun Ke 25 Pertubuhan Peladang. Saya telah mengikuti setiap ungkapan kata oleh kedua-dua tokoh pertubuhan peladang iaitu Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa Jabar dan juga sahabat lama saya Y.Bhg.

Dato' Rashid dan saya merasa pada saat ini tidak mengenali lagi diri saya oleh kerana puji- pujian ucapan penghargaan yang disampaikan kepada saya.

Walau bagaimanapun, Y.Bhg. Tan Sri dan Y.Bhg. Dato' terima kasih saya ucapkan di atas ingatan Y.Bhg. kedua-dua dan semoga Allah akan melimpahkan segala nikmat yang ada kepada Y.Bhg. Tan Sri dan Y.Bhg. Dato'. Apabila saya menerima jemputan ini, saya merasa agak waspada sedikit. Hampir tidak percaya bahawa perayaan ini akan diadakan pada bulan puasa. Tetapi oleh kerana saya seorang yang sentiasa melaung-laungkan produktiviti dan bekerja keras maka saya terima jemputan ini dengan serendah-rendah hati dan tulus ikhlas.

Kemudian mendapat juga arahan dari pada Y.Bhg. Tuan Hj. Pahamin Rajab pakai baju kebangsaan, panas terik, saya terima juga dengan harapan dapat bersanding sekali lagi dan teman saya yang bersanding ialah Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa Jabar. Cuma yang lain sedikit kerusi saja di tengah-tengah, dia di sebelah kanan. Masa dulu saya belah kanan dia, dan saya agak gementar memberi ucapan ini oleh kerana Order of Speaking pun telah berlainan sedikit. Dulu saya berucap terdahulu daripada Y.Bhg. Tan Sri Dato'.

Sekarang ini yang terakhir sekali.

Jadi di atas baik budi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih. Saya mengucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan LPP yang telah membimbing pertubuhan peladang sehingga mencapai kejayaan yang amat cemerlang. Mengikut statistik yang saya terima, 278 Pengeluaran Pertubuhan Peladang (PPK), 540,000 orang ahli.

Kejayaan yang besar seperti ini bukanlah wujud secara automatik. Ianya adalah hasil daripada keringat pucuk pimpinan LPP, Kementerian Pertanian dan semua barisan peladang. Salah satu daripada kunci kejayaan LPP, adalah kerjasama yang ada di dalam LPP itu sendiri.

Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, begitu banyak institusi-institusi termasuk badan-badan berkanun tidak dapat berjalan dengan lancar oleh kerana wujudnya pergeseran ataupun konflik di antara Lembaga Pengarah dengan Pengurusan. Ada didapati Pengerusi tidak secocok dengan Ketua Pengarah ataupun dengan Pengurus Besar dan akibatnya adalah kelemahan dalam jentera pentadbiran.

Di sini saya ingin menyingkap kembali perhubungan saya yang rapat dengan Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa Jabar.

Apabila saya dilantik menjadi Ketua Pengarah LPP saya masih teringat lagi yang Allahyarham Tun Razak memberitahu saya bahawa Pengerusi dan Timbalan Pengerusi LPP adalah terdiri daripada orang-orang pilihannya dan dia berbahasa Inggeris dengan saya They Are Both Good Leaders iaitu Tengku Ahmad Rithauddeen dengan Dato' Hj. Mustafa Jabar.

Jadi sepanjang saya memegang jawatan Ketua Pengarah LPP ini, setakat ingatan saya, perhubungan saya dengan Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa Jabar adalah ikrab dan saling menghormati, merupakan paduan tenaga di antara pentadbiran dengan pucuk pimpinan iaitu kepekaan pihak pengurusan kepada aspirasi rakyat yang dilambangkan oleh Y.Bhg. pada masa itu Dato' Hj. Mustafa Jabar.

Sebenarnya saya banyak memperolehi pelajaran dan hikmah daripada Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa Jabar khususnya dari segi kebijaksanaan beliau, wisdom beliau.

Kedua; diplomasi beliau, ketiga: kesabaran dan keempat; saya seterusnya di sini, mengambil kesempatan di atas popularitinya dengan pucuk pimpinan politik negara pada masa itu khusus dengan Allahyarham Tun Razak dan dengan YAB Encik Ghafar Baba. Mungkin perkara yang keempat ini tidak disedari oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa Jabar, tapi itulah satu strategi yang saya cuba gunakan oleh kerana pada masa itu umum mengetahui kehebatan kepimpinan YAB Tun Razak pada masa itu yang dibantu oleh YB Encik Ghafar dan Y.Bhg.

Tan Sri Dato' Hj. Mustafa Jabar, kedudukannya di dalam hierarki parti adalah agak tinggi.

Saya percaya bahawa pada masa itu bukan oleh kerana kebijaksanaan ataupun kepintaran saya, cuma saya bernasib baik kerana mendapat Pengerusi yang mempunyai kedudukan yang begitu tinggi di dalam susunan pemerintahan, yang ada perhubungan yang begitu ikrab, begitu rapat dan dipercayai oleh YAB Tun dan YB Encik Ghafar Baba.

Jadi Y.Bhg. Tan Sri, sebahagian besar daripada ada sedikitpun kejayaan yang dicapai oleh saya adalah hasil daripada sokongan yang diberi oleh kerajaan secara mutlak kepada diri saya dan apa-apa kebijaksanaan ataupun keupayaan saya sebagai pentadbir adalah merupakan faktor yang kedua bukan faktor yang mutlak yang menjamin kejayaan LPP.

Jadi sepanjang Y.Bhg. Tan Sri Dato' Mustafa Jabar memimpin LPP, saya telah diberitahu bahawa kepimpinannya adalah merupakan kesinambungan dan bolehlah dirumuskan bahawa perhubungan beliau dengan Ketua Pengarah dan Pegawai-pegawai masih tetap kekal ikrab seperti yang saya perolehi selama lebih daripada enam tahun semasa menjadi Ketua Pengarah LPP. Ini menunjukkan bahawa usia bukan merupakan satu faktor penentu di dalam urusan pentadbiran negara.

Jadi saya akan menyokong, selagi Y.Bhg. Tan Sri Dato' Mustafa ada kemampuan. Saya akan terus menyokong misi beliau untuk menjadikan pertubuhan peladang sebagai institusi yang terunggul di dalam negara kita.

Pada hemat saya, masa dan ketika ini adalah sesuai untuk saya menyampaikan sedikit nasihat kepada pegawai-pegawai dan juga Ahli-ahli Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang. Tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum bahawa kelemahan-kelemahan yang selalunya didapati di dalam pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai Lembaga-lembaga Pengarah atau dijelaskan di perenggan-perenggan berikut: Pertama sekali soal kepimpinan, ada saya soal kepimpinan merupakan satu perkara yang amat penting sekali.

Saya seorang yang percaya dengan "Kepimpinan Melalui Teladan". Sekiranya kita menggesa orang ataupun anak buah kita bekerja keras, sekiranya kita menyarankan anak buah kita supaya beramanah, maka pemimpin- pemimpin sama ada pegawai-pegawai, Pengurus Besar mahupun Pengerusi-pengerusi Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang hendaklah menunjukkan sifat-sifat yang kita sendiri anjurkan.

Pada saya, ini adalah penting oleh kerana banyak institusi-institusi sama ada pertubuhan-pertubuhan sukarela mahupun koperasi dan lain-lain lagi pertubuhan boleh hancur lebur dengan kepimpinan yang buruk, kepimpinan yang tidak beramanah dan pemimpin-pemimpin yang menggunakan harta benda institusi mereka itu untuk kepentingan diri.

Keduanya; perkhidmatan, apa saja yang ditugaskan kepada kita sama ada kita menjadi Pengurus Besar ataupun Pengerusi, pada hemat saya kita hendaklah memegang amanah itu dengan baik dan memberi perkhidmatan yang berkualiti dan tidak semata-mata memegang jawatan itu cuma mencari nafkah ataupun untuk kepentingan diri.

Di sini saya inginlah menitikberatkan di atas commitment seseorang pegawai ataupun Ahli Lembaga Pengarah terhadap perjalanan institusi masing-masing. Pada orang ramai, tidak ada gunanya menyertai sesuatu institusi ataupun pertubuhan sekiranya institusi itu tidak boleh menunjukkan kejayaan sekiranya ada kelemahan dalam jentera pentadbiran ataupun pegawai-pegawai bekerja sambill ewa saja. Pada saya, sekiranya kita hendak menarik minat peladang-peladang untuk menyertai pertubuhan peladang maka hendaklah Lembaga Pengarah dan pegawai-pegawai bertungkus lumus menggerakkan pertubuhan ini melaksanakan projek-projek sama ada bercucuk tanam mahupun perniagaan dengan jayanya. Oleh kerana pada saya sesebuah pertubuhan peladang yang selalu rugi, yang disalah tadbir tidak akan menarik minat peladang- peladang, biarpun kerajaan memberi jumlah modal yang besar, memberi jentera dan sebagainya.

Jadi pada saya success story of organization adalah merupakan satu daripada daya penarik kepada peladang-peladang sekelian. Seterusnya berhubung dengan pengurusan kewangan, saya dapati bahawa kebanyakan daripada institusi-institusi yang mempunyai modal harta yang besar, mempunyai modal pusingan yang besar, timbullah kecenderungan ataupun temptation bagi pengurusan dan Lembaga-lembaga Pengarah untuk menggunakan wang ataupun sumber modal pertubuhan ini bagi tujuan-tujuan yang tidak menepati tujuan pertubuhan itu diwujudkan.

Jadi pada saya accountability ataupun sifat bertanggungjawab dari segi pengurusan kewangan adalah penting. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, saya telahpun mengeluarkan garis panduan, telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran khusus berhubung dengan Micro-accounting iaitu yang menerangkan sistem perakaunan yang akan merekodkan ddengan serta merta tiap- tiap sen, tiap-tiap Ringgit yang masuk dan juga merekodkan tiap-tiap sen dan tiap-tiap Ringgit yang keluar. Jadi salah satu daripada kelemahan dalam pengurusan kewangan sama ada pertubuhan peladang mahupun koperasi adalah penyimpanan wang yang berlebihan, record keeping yang lemah dan menggunakan wang ini dengan tanpa kelulusan pihak-pihak yang berkenaan dan salah satu lagi daripada kelemahannya ini ialah poor record keeping dan ini adalah sama ada disengajakan, oleh kerana ini boleh membantutkan kerja-kerja pihak Audit.

Jadi pada saya, sebagai seorang ahli peladang sekiranya saya tidak dapat jaminan bahawa modal saham saya terpelihara, maka mungkin saya akan terus hilang kepercayaan kepada pertubuhan peladang yang berkenaan. Sekiranya seorang, berdua itu hilang kepercayaan, ini bermakna 20 orang yang lain akan mengetahui bahawa pertubuhan peladang itu tidak ditadbir dengan betul. Jadi di sini saya suka menyarankan kepada pucuk pimpinan LPP supaya mengadakan kursus intensif berhubung dengan pengurusan kewangan dan juga pengurusan harta.

Kementerian Kewangan telah mengeluarkan satu pekeliling yang menerangkan butir-butir mengenai penyimpanan harta, stok. Jadi ini penting oleh kerana sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sekelian sedia maklum banyak juga penyalahgunaan berlaku berhubung dengan penggunaan harta tetap institusi-institusi sama ada van, sama ada jentera, landrover dan sebagainya.

Jadi saya minta maaf kerana menekankan perkara ini.

Oleh kerana di dalam dunia perniagaan yang moden ini, orang akan tertarik kepada success stories sahaja. Jikalau ada bad stories iaitu jika ada pertubuhan peladang yang mendapati laporan audit yang banyak mendedahkan kelemahan-kelemahan, jadi saya percaya ini tidak akan menarik

peladang-peladang. Oleh kerana pada masa ini, persaingan yang hebat berlaku berhubung dengan penyimpanan- penyimpanan harta, penyimpanan wang; kita ada ASN, ada ASB, ada BSN dan sebagainya; dan sekiranya pertubuhan peladang tidak dapat menyaingi, menandingi institusi-institusi ini dari segi jaminan pelaburan tetap, saya percaya peladang-peladang tidak akan tertarik hati memasuki pertubuhan peladang.

Seterusnya saya ingin menekankan juga kepada Etika Kerja kepada pegawai-pegawai sekalian. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, apabila pertubuhan peladang ini diwujudkan pada 1973, ini menjadi sejarah.

Pada masa itu, saya seorang pegawai yang tidak popular. Oleh kerana apabila saya dilantik menjadi Ketua Pengarah, saya menyembah kepada Treasury dan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), berkehendakkan tiap-tiap pertubuhan peladang hendaklah dianggotai, diuruskan oleh sekurang-kurangnya tujuh orang pegawai kerajaan; Pengurus Besar, lima orang yang lain dan dua orang yang lain, Kerani dan typist. Dan pada masa itu, Ketua-ketua saya agak gementar sedikit oleh kerana saya menerima arahan daripada atasan. Jadi pada masa itu, post-post yang diperolehi adalah mudah, oleh kerana pertubuhan peladang ini satu perkara yang baru.

Masanya telah sampai bagi pertubuhan peladang berdikari. Di sini saya suka mencadangkan kepada LPP supaya menjalankan satu rancangan jangka panjang. Bagaimana hendak face out ataupun mengurangkan tenaga pegawai-pegawai LPP di dalam pertubuhan peladang.

Bukan saya maksudkan menarik balik seratus peratus (100%); mencari jalan, membuat formula bagaimana pegawai-pegawai LPP ini boleh dikurangkan. Saya percaya bahawa selagi ramai pegawai LPP menganggotai pengurusan pertubuhan peladang, jadi selagi itulah pertubuhan peladang khususnya petani-petani dan sebagainya, tidak dapat menanamkan di dalam hati sanubari sendiri berhubung dengan pengurusan yang berkualiti, oleh kerana ada pegawai memimpin. Jadi saya seorang yang percayakan akan pimpinan oleh pegawai-pegawai tetapi sekiranya perkara ini berterusan mungkin ini akan melemahkan pertubuhan peladang itu sendiri. Oleh kerana sebagai pegawai- pegawai Kerajaan dan rungutan ini telah sampai ke telinga saya pada masa berkhidmat di LPP hingga sekarang, Etika Kerja pegawai- pegawai adalah berbeza dengan pengurus-pengurus yang digaji penuh oleh pertubuhan peladang. Saya percaya pada hari ini, sebahagian besar pegawai-pegawai LPP yang mentadbir pertubuhan-pertubuhan peladang adalah tertakluk kepada General Order, tertakluk kepada waktu kerja yang tetap, tidak mendapatkan dividen dan sebagainya. Jadi pada saya, di dalam dunia yang bersaing yang didapati pada hari ini, Etika Kerja tenaga pengurusan pertubuhan peladang hendaklah lebih baik, lebih tinggi daripada pegawai-pegawai yang telah sudah iaitu bekerja lebih masa, tak kira siang dan malam, hujan, pergi ke ladang-ladang, pergi ke pusat-pusat pemasaran dan sebagainya; tidak mengira waktu kerja seperti pegawai-pegawai kerajaan.

Bukanlah saya di sini menganjurkan penarikan balik semua pegawai-pegawai LPP, cuma saya suka mencadangkan kepada Ketua Pengarah LPP supaya membuat pelan jangka panjang dan mengikut kemampuan pertubuhan-pertubuhan peladang supaya penarikan atau pengunduran pegawai-pegawai ini boleh dibuat berperingkat- peringkat, barulah kita akan mendapati pertubuhan peladang yang mempunyai daya saing dan daya maju.

Bagi mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada LPP di atas jemputan ini. Dan saya berharap bahawa LPP akan terus wujud, terus kekal untuk memimpin pertubuhan-pertubuhan peladang yang lebih berdaya saing, berdaya maju. Saya tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan saya yang telah membantu saya di masa yang telah sudah, bukan saja di kalangan pegawai-pegawai LPP bahkan jua daripada barisan pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan yang lain yang kelihatan duduk di depan saya pada petang ini. Terima kasih di atas kehadiran saudara-saudara sekalian dan saya anggapkan kehadiran saudara-saudara itu sebagai satu penghormatan juga kepada peladang-peladang dan khususnya kepada diri saya sendiri. Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih, Selamat Maju jaya.